

14 Tahun
Kosmo
2004-2018

Segar • Progresif • Diyakini
AKHBAR PALING PANTAS BERKEMBANG DI MALAYSIA

Ikuti
kami di
Kosmo_Online

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

www.kosmo.com.my

KHAMIS 6 DISEMBER 2018

RM1 BIL: 83 TAHUN 14 PP13809/08/2012 (030437)

Malaysia sedia ukur laut di sempadan Singapura

**Perdana Menteri
mahu bukti sama
ada kapal Malaysia
ceroboh perairan
negara jiran**



PELABUHAN Tanjung Pelepas di Gelang Patah berperanan penting dalam menjadikan Johor sebagai kuasa ekonomi selatan.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar kecil**) menegaskan kerajaan bersedia mengukur sempadan perairan negara ini dan Singapura bagi melihat sama ada benar kapal Malaysia mencerooh perairan republik itu.

"Kita boleh ukur, ia betul ke ataupun tidak, garisan mereka itu tak kena dan kita masih ada dalam kita punya perairan sendiri," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Bhd. kali ke-21 di Shah Alam, Selangor semalam.

Beliau mengulas laporan

PETA SEMPADAN PERAIRAN MALAYSIA-SINGAPURA



mengatakan Singapura membantah rancangan Malaysia memperluas had pelabuhan di Johor Bahru dan menyifatkannya sebagai mencerooh perairan wilayah berkenaan.

Kementerian Pengangkutan Singapura dilaporkan mendakwa, kapal Malaysia juga mencerooh perairan wilayah republik itu sejak dua minggu lalu di luar Pantai Tuas yang terletak di barat negaranya.

» BERITA PENUH DI MUKA 4

Singapura dakwa kapal Malaysia ceroboh perairan negara itu

Kerajaan sedia ukur sempadan

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SHAH ALAM – Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar kecil) memberitahu, kerajaan bersedia mengukur sempadan perairan Malaysia dan Singapura bagi melihat kebenaran kapal Malaysia menceroob perairan republik itu.

"Kita boleh ukur ia betul atau tidak, garisan mereka itu tidak kena dan kita masih ada dalam kita punya *own waters*" katanya secara ringkas ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakatan Soragan Pos Malaysia Bhd. (UPUS) kali ke-21 di sini semalam.

Beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi mengulas laporan yang mendakwa Singapura membantah rancangan Malaysia untuk memperluaskan had pelabuhan di Johor Bahru dan menyifatkannya sebagai menceroob perairan wilayah berkenaan.

Dalam pada itu, Kementerian Pengangkutan Singapura berkata, pihaknya meminta Malaysia menarik semula cadangan un-

tuk meluaskan pelabuhan sebagai mencerminkan kedaulatan Singapura berhubung perairan, sementara Malaysia mempertahankan diri daripada mengambil sebarang tindakan lanjut sebelah pihak.

Mereka juga mendakwa, kapal Malaysia turut melakukan pencerooban perairan wilayah republik itu sejak dua minggu lalu di luar Pantai Tuas di barat negara itu.

Singapura membantah sokeras-kerasnya cadangan Malaysia untuk memperluaskan sempadan sebuah pelabuhannya dengan mengatakan ia menceroob perairan negara mereka.

Kementerian Pengangkutan Singapura berkata, pihaknya meminta Malaysia menarik balik tindakan dalam isu sempadan pelabuhan bagi mencerminkan kedaulatan perairan negaranya serta menjauhkan diri daripada tindakan unilateral.

"Kami memerhatikan dengan penuh kebimbangan bahawa Malaysia baru-baru ini berniat melebarkan sempadan pelabuhan Johor Bahru dengan cara menceroob wilayah perairan Singapura di Tuas.

"Sebagai tindak balas, Si-



PELABUHAN Tanjung Pelepas terletak di Gelang Patah. Malaysia menyangkal dakwaan Singapura bahawa kapal milik negara ini menceroob perairan republik itu. – Gambar hiasan



ngapura membuat satu bantahan keras terhadap kerajaan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Menurut kenyataan itu, kapal-kapal Malaysia beberapa kali menceroob perairan Singapura di Tuas yang terletak di barat ne-

gara itu sejak dua minggu lalu.

"Singapura membantah pergerakan yang tidak mempunyai sebarang kebenaran, kehadiran kapal-kapal ini dalam kawasan kedaulatan yang tidak konsisten dengan undang-undang antarabangsa," katanya.

Tambahnya lagi, Singapura tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas berhubung aktiviti tersebut dan negara itu bersedia untuk menyelesaikan masalah selaras dengan undang-undang antarabangsa.

INFO Isu antara Malaysia dan Singapura

● **19 Jun 2018** - Isu perebutan Pulau Batu Putih selesai apabila Mahkamah Keadilan Antarabangsa memutuskan pulau itu berpihak kepada Singapura manakala dua lagi pulau yang tidak diketahui namanya diberikan kepada Malaysia

● **23 Oktober 2018** - Keputusan untuk menagihkan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi dicapai secara bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Singapura dan akan diteruskan pada 2020 supaya tidak timbul isu ketegangan hubungan dua hala

● **12 April 2006** - Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi memutuskan Malaysia menghentikan pembinaan jambatan bengkok bagi menggantikan Tambak Johor yang dipersetujui Perdana Menteri sebelumnya, Tun Dr. Mahathir Muhammad sebagai pintu masuk kedua-dua negara

● **3 Januari 2000** - Kerajaan Negeri Johor bersetuju untuk menguatkuasakan larangan eksport pasir ke Singapura yang dikuatkuasakan kerajaan Persekutuan dan menguatkuasakan larangan eksport bahan batuan (batu pejal) berukuran 9 inci ke atas pada 2002

Dakwaan Singapura tidak tepat

PUTRAJAYA – Malaysia mendapati bahawa dakwaan Singapura adalah tidak tepat kerana had pelabuhan yang diubah ke atas Pelabuhan Johor Bahru tidak sekali-kali menceroob ke mana-mana bahagian Singapura, demikian menurut Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook (gambar) semalam.

Merujuk kepada kenyataan akhbar oleh Menteri Pengangkutan Singapura berhubung perkara itu semalam, Loke berkata, Malaysia seringkali dan tetap memelihara kedaulatan perairan agar sentiasa berada dalam had pelabuhan dibenarkan bagi Pelabuhan Johor Bahru.



Loke menjelaskan bahawa Singapura pada beberapa tahun lalu melaksanakan tebus guna tanah secara besar-besaran di kawasan berkenaan yang dipersoal dan ia undang-undang lapuk bahawa tebus guna tanah itu tidak melepasi garis asas negeri dan atau garis tapak.

Mengikut undang-undang antarabangsa, sempadan laut Singapura kekal tidak berubah meskipun pelaksanaan tebus guna yang dijalankan itu hampir melepasi had luar sempadan laut Singapura.

"Oleh demikian, perubahan had pelabuhan bagi Pelabuhan Johor Bahru masih dalam sempadan

air Malaysia dan jelas dalam hak Malaysia untuk menggariskan sebarang had pelabuhan dalam sempadan air kita menurut undang-undang kebangsaan kita sendiri," katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan National Aviation Council Engagement yang pertama kali di sini semalam.

Kelmarin, kerajaan Singapura dengan keras membantah tindakan Malaysia melebarkan sempadan pelabuhannya dengan mendakwa bahawa ia akan menjejaskan kedaulatan dan undang-undang antarabangsa.

Katanya, mereka tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap pencerooban dan aktiviti yang melanggar peraturan.

Wan Azizah sampaikan ucaptama pada WMLF

LONDON – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail akan menyampaikan ucaptama pada Forum Kepimpinan Muslim Dunia (WMLF) 2018 sempena lawatan rasmi tiga hari beliau ke Britain.

Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bermulakan lawatan ke Britain semalam yang merupakan lawatan rasmi sulungnya ke negara itu selepas dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Menjadi pemimpin wa-

nita pertama Malaysia yang memberi ucapan pada forum dwitahunan itu, kehadiran beliau dijangka akan memantapkan lagi forum tersebut.

Kuasa Usaha Sementara Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Mohd. Suhaimi Jaafar berkata, forum itu antara lain bertujuan mengumpul pemimpin Islam daripada pelbagai pelosok dunia untuk menemuka isu-isu utama, menangani cabaran dan menyediakan penyelesaian inovatif bagi mengatupkan tanggapan berhubung keganasan dan Islam. – Bernama